



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

23 OGOS 2022 (SELASA)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

23 OGOS 2022 (SELASA)

Penetapan dua harga minyak masak dibincang

Pelaksanaan perlu dibawa ke Kabinet untuk penelitian lanjut

Melaka: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sudah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Perusahaan Perludungan dan Komoditi (MPIC) untuk melaksanakan penetapan dua harga bagi minyak masak kegunaan domestik dan eksport.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata bagaimanapun, pelaksanaan langkah itu belum dapat diputuskan dan perlu dibawa ke Kabinet dalam tempoh satu atau dua minggu lagi untuk penelitian lanjut.

"Memang kita ada bincang cadiang nak buat penetapan harga dua peringkat untuk minyak masak kegunaan domestik dan eksport. Pada dasarnya, kita sudah



Rosol (tengah) pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Ke-67 Kumpulan Kerja Mengenai Kerjasama Harta Intelek ASEAN (AWGIPC), di Melaka, semalam.

(Foto BERNAMA)

bersetuju tetapi perlu diputuskan oleh Kabinet.

Ringankan beban

"Kita berharap penetapan harga ini akan dapat dilaksanakan untuk meringankan beban negara, khususnya membabitkan minyak masak bersubsidi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Ke-67 Kumpulan Kerja Mengenai Kerjasama Harta

Intelek ASEAN (AWGIPC) di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas perkembangan penetapan harga maksimum minyak masak botol di negara ini.

Mengulas lanjut, Rosol berkata, di peringkat awal, ambang bagi minyak masak domestik dan eksport di bawah penetapan harga dua peringkat itu telah dibincangkan tetapi perinciannya belum da-

pat didekahkan.

Pada Mac lalu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata pihaknya sedang mencari alternatif termasuk penetapan dua harga bagi kegunaan minyak masak domestik dan eksport bagi memastikan agihan subsidi minyak masak sampai kepada golongan sasar.

BERNAMA

KPDNHEP cadang penetapan kadar bagi kegunaan domestik dan eksport

Usul harga baharu minyak masak

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

MELAKA — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengusulkan penetapan kadar baharu minyak masak bersubsidi bagi kegunaan domestik dan eksport dalam Mesyuarat Kabinet depan.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, satu perbincangan telah dibuat bersama Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi berhubung penetapan melibatkan dua peringkat iaitu bagi kegunaan domestik dan eksport.

"Memang kita ada bincang, ada cadangan untuk nak buat two tiers (dua peringkat) la itu

minyak bagi domestik dan eksport.

"Walaupun kita dua (kementerian) sudah bersetuju, namun (kadar baharu) ini perlu Kabinet yang putuskan dan kita harap ia dapat dilaksana untuk meringankan beban negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akbar selepas merasmikan Mesyuarat Ke-67 Kumpulan Kerja Kerjasama Harta Intelek ASEAN (AWGIPC) semalam.

Sementara itu, Rosol berkata, Mesyuarat Ke-67 AWGIPC yang berlangsung selama lima hari sehingga 26 Ogos ini menyaksikan Malaysia menjadi tuan rumah untuk menyelaraskan kerjasama dalam bidang harta intelek di rantau ASEAN.

Jelasnya, bagi meningkat pres-

tasi harta intelek negara, kerajaan telah menyediakan dana pemfalian sebanyak RM6.5 juta untuk meringankan beban usahawan dalam membuat permohonan.

"Dana itu akan merangkumi suruhan pemfalian paten, cap dagang dan hak cipta."

"Kita berharap dengan kemudahan ini, usahawan-usahawan tempatan mengambil peluang untuk mendaftar dengan MyIPO sama ada secara terus di pusat mahu pun dalam talian," katanya.

Ketika ini harga minyak masak peket bersubsidi adalah RM2.50 manakala minyak dalam botol 5 kilogram yang asalnya dijual dari RM39 hingga RM42 kini dijual pada harga maksimum RM34.70 sahaja.



ROSOL (tengah) bergambar bersama delegasi yang hadir pada Majlis Perasmian Mesyuarat ke-67 AWGIPC di Melaka.

HARI : SELASA
TARIKH : 23/08/2022
M/SURAT : 12

KPDNHEP, MPIC bincang laksana penetapan dua harga minyak masak

MELAKA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) untuk melaksanakan penetapan dua harga bagi minyak masak kegunaan domestik dan ekspor.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid bagaimanapun berkata, pelaksanaan langkah itu belum dapat diputuskan dan perlu dibawa ke kabinet dalam tempoh satu atau dua minggu lagi untuk penelitian lanjut.

"Memang kita ada bincang cadangan nak buat penetapan harga dua peringkat untuk minyak masak kegunaan domestik dan ekspor. Pada dasarnya, kita dah bersetuju tetapi perlu di-putuskan oleh kabinet.

"Kita berharap penetapan harga ini akan dapat dilaksanakan untuk meringankan beban negara khususnya melibatkan

minyak masak bersubsidi," kata-nya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Ke-67 Kumpulan Kerja Mengenai Kerjasama Harta Intelek ASEAN (AWGIPC) di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas perkembangan penetapan harga maksimum minyak masak botol di negara ini.

Mengulas lanjut, Rosol berkata, di peringkat awal, ambang bagi minyak masak domestik dan ekspor di bawah penetapan harga dua peringkat itu telah dibincangkan tetapi perinciannya belum dapat didekahkan.

Pada Mac lepas, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya sedang mencari alternatif termasuk penetapan dua harga bagi kegunaan minyak masak domestik dan ekspor bagi memastikan agihan subsidi minyak masak sampai kepada golongan sasar. - Bernama



Rosol (tengah) bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Ke-67 ASEAN Working Group On Intellectual Property Cooperation (AWGIPC) di Melaka pada Isnin.

HARI :	SELASA
TARIKH :	23/08/2022
M/SURAT :	2

No decision yet on two-tier pricing for cooking oil

MALACCA: The proposal to set two prices for cooking oil, one for domestic use and another for export, has yet to be decided.

Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wahid said his ministry has held discussions with the Plantation Industries and Commodities Ministry, but the matter must be brought to the Cabinet within a week or two for further review.

"It is true that we have discussed the proposal to introduce a two-tier pricing for cooking oil. Basically, we have agreed but it must be decided by the Cabinet.

"We hope to implement this two-tier pricing as this will alleviate the burden of the country, especially involving subsidy for cooking oil," he said after officiating at the 67th Meeting of the Asean Working Group on Intellectual Property Cooperation here yesterday.

Rosol was commenting on the latest development on the setting of a maximum price for bottled cooking oil in the country.

He revealed that the ceiling price for cooking oil for the domestic and export markets under the two-tier pricing had been discussed but details could not be disclosed yet.

In March, Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi reportedly said the ministry was looking at alternatives, including setting two different prices for local sale and export.

He said the move was to ensure the distribution of cooking oil subsidies reached the target group. - Bernama

HARI : SELASA
TARIKH : 23/08/2022
M/SURAT : 20

Peniaga jual makanan harga cekik darah didenda KPDNHEP

Port Dickson: Tindakan seorang peniaga makanan di Medan Selera Bayu di sini, yang didakwa meletakkan harga melampau bagi makanan dan minuman dijual akhirnya mengundang bala.

Ini berikutan sepasukan pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bertindak melakukan siasatan sebelum mengenakan kompaun terhadap peniaga terbabit.

Tinjauan wartawan semalam mendapati premis itu ditutup dan usaha mendapatkan makium balas peniaga terbabit gagal.

Beberapa peniaga ditemui berkata, peniaga premis makanan yang dikenakan tindakan KPDNHEP itu baru bermula sejak tiga bulan lalu.

Salah seorang peniaga yang enggan namanya di dedahkan berkata, rata-rata peniaga lain yang bermula di medan selera itu terkena tempias selepas tindakan menjual makanan pada harga tidak munasabah itu tular di media sosial.

"Kami semua dapat bilangan orang luar atau pengunjung yang singgah menjamu selera di medan selera ini berkurangan semalam. Mungkin mereka beranggapan kami semua menjual pada harga mahal.

"Tanggapan itu tidak tepat berikutan ada antara kami sudah bermula sejak lebih 20 tahun lalu. Dakwaan peniaga di sini menjual makanan dengan harga 'Yahudi' (mahal) tidak boleh diterima," katanya.

Menurutnya, isu itu tular sejak seminggu lalu apabila beberapa pelanggan memuatnaik kecaman dalam media sosial.



BOT dan lori dengan muatan tong berisi petrol disita untuk siasatan lanjut.



Bot kargo sangkut, lori pun sangkut!

Lahad Datu: Cubaan empat lelaki menyeludup ke luar 8,000 liter petrol di Jeti Pangkalan Nelayan Silam Kem di sini, kelmarin gagal selepas dikesan Agensi Pengawatuaan Maritim Malaysia (APMM).

Ketika kejadian jam 3.30 pagi itu, semua suspek berrusia 20 hingga 70 tahun dikesan sedang melakukan kerja pemindahan minyak dari lori ke sebuah bot kargo.

Pengarah Zon Maritim Lahad Datu, Komander Maritim Nik Mohd Rizam Nik Mohd Fauzi berkata, operasi dijalankan hasil maklumat awam dan bot peronda APMM Lahad Datu diatur gerak ke lokasi bersama pasukan darat untuk serbuan.

"Hasil serbuan berjaya menahan tiga lelaki tempatan bersama seorang warga asing dari Filipina.

Tiga lelaki tempatan bersama seorang warga Filipina ditahan

"Semua suspek didapati memindahkan minyak ke bot kargo dipercayai untuk diseludup ke negara jiran," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Nik Mohd Rizam berkata, suspek juga tiada dokumen kebenaran lengkap untuk bot itu membawa petrol.

"Kita menyita sebuah bot kargo bersama sebuah lori yang membawa 40 tong dram minyak dengan nilai keseluruhan berjumlah RM286,400," katanya yang memberitahu siasatan lanjut dijalankan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Beliau meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan penyeludupan dan aduan supaya menyalurnannya kepada Zon Maritim Lahad Datu yang beroperasi 24 jam di talian 089-885727 atau MERS 999.

Taktik penyeludup diesel terbongkar

TUMPAT - Taktik penyeludup mengubahsuai tangki serta membuat pembelian minyak diesel dari stesen ke stesen berjaya di gagalkan oleh pihak berkuasa pada Sabtu.

Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan, Aswadi Jaafar berkata, semasa operasi bersepada dilaksanakan, pihaknya mengesan sebuah kenderaan dalam keadaan mencungangkan sedang membuat pengisian minyak dari satu stesen ke stesen lain secara berterusan.

"Kami telah bertindak membuat serbuan pada jam 12.30 tengah hari di sebuah stesen minyak di Chabang Empat Tok Mek Ngah.

"Pemeriksaan lanjut terhadap sebuah lori jenis Isuzu telah menjumpai minyak diesel 274 liter bernilai RM589 di dalam tangki yang dipercayai diubah suai," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Operasi bersepada itu turut disertai oleh Pasukan Polis

Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Kubor dan Batalion 8 Pasukan Gerakan Am (PGA) Pengkalan Chepa.

Aswadi memberitahu, minyak diesel tersebut dipercayai akan diseludup ke negara jiran melalui pangkalan haram.

Jelas beliau, seorang lelaki turut ditahan dan kes tersebut akan disiasat bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 kerana disyaki memiliki barang kawalan tanpa lesen dengan niat melakukan kesalahan.

Menurutnya, siasatan lanjut akan dijalankan ke atas pemilik asal kenderaan dan punca barang kawalan yang diperolehi.

Katanya, KPDNHEP tidak akan berkompromi dengan mana-mana peniaga yang melanggar undang-undang dan tindakan tegas akan diambil.

"Kerjasama bersepada bersama agensi penguatkuasaan sempadan sentiasa giat dijalankan dari masa ke semasa bagi membanteras kegiatan tersebut," katanya.



Taktik
penyeludup
mengubahsuai
tangki serta
membuat
pembelian
minyak diesel
dari stesen
ke stesen
berjaya dihidiu
oleh pihak
berkuasa pada
Sabtu.

HARI : SELASA
TARIKH : 23/08/2022
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

Ayam	RM7.99	Telur Gred A	RM12.90	Gula Pasir	RM2.85	Cili Merah	RM12.99
Daging Lembu Tempatan	RM44.29	Ikan Kembung	RM12.25	Bawang Besar Holland	RM2.20	Kubis Tempatan	RM3.20
Daging Lembu Import	RM53.90	Minyak Masak	RM7.69	Bawang Putih	RM4.99	Tepung Candum	RM3

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(AGENSI KPDNHEP)**

23 OGOS 2022 (SELASA)

BNM, SSM perkukuh kerjasama kawalan AML/CFT dan TFS

Oleh NURFARAHIN HUSSIN
ekonomi@utusan.com.my

PETALING JAYA: Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) komited mengukuhkan lagi kerjasama pengawalan dan penyeliaan berhubung pengubahan wang haram, pencegahan pembiayaan keganasan (AML/CFT) dan Sekatan Kewangan Bersasar (TFS).

Terma kerjasama tersebut menggariskan tanggungjawab pengawalan dan penyeliaan BNM dan SSM berhubung pengawalan dan penyeliaan ke atas setiausaha syarikat dan syarikat amanah.

Terma ini juga akan membolehkan pendekatan yang lebih berstruktur diambil dalam usaha menilai risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (ML/TF) bagi kedua-dua sektor serta meningkatkan kapasiti keinstitusian dalam bidang-bidang ini.

Gabenor BNM, Tan Sri Nor Shamsiah Mohd. Yunus berkata, perjanjian yang dimeterai adalah hasil kerjasama yang teguh antara BNM dengan SSM selama bertahun-tahun.



NOR Shamsiah Mohd. Yunus dan Nor Aziman Abdul Aziz menunjukkan dokumen kerjasama antara BNM dan SSM bagi memperkuuh kawalan ke atas AML/CFT dan TFS di Kuala Lumpur, semalam.

"BNM berbesar hati kerana dapat bekerjasama rapat dengan SSM untuk menjamin dan mengekalkan integriti sistem kewangan.

"Kami yakin SSM dapat melaksanakan tanggungjawab yang lebih besar untuk menjalankan penyeliaan AML/CFT ke atas setiausaha syarikat dan syari-

kat amanah pada masa terdekat ini," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Datuk Nor Azimah Abdul Aziz berkata, adalah penting bagi setiausaha syarikat dan syarikat amanah untuk mengetahui dan memahami peranan serta dedahan risiko berkaitan dengan ML/TF

terhadap fungsi mereka.

"Pengetahuan dan pemahaman ini akan membentuk asas untuk mereka memahami dan memantapkan langkah pencegahan terhadap kegiatan jenayah ini dan perjanjian yang ditandatangani merupakan satu langkah penting ke arah mencapai matlamat tersebut," ujarnya.

BNM, SSM boost tie-up on regulation of AML/CFT

Central bank and Companies Commission of Malaysia set out terms covering supervision of anti-money laundering activities, countering financing of terrorism and targeted financial sanctions

PETALING JAYA: Bank Negara Malaysia (BNM) and the Companies Commission of Malaysia (SSM) yesterday signed a

terms of collaboration to strengthen collaboration in the regulation and supervision of anti-money laundering, countering financing of

terrorism (AML/CFT) and targeted financial sanctions (TFS).

The terms of collaboration set out the respective regulatory and

supervisory responsibilities of BNM and SSM in the regulation and supervision of company secretaries and trust companies. It will also provide for a more structured approach to assess money laundering and terrorism financing (ML/TF) risks in these two sectors, as well as to promote institutional capacity building in these areas.

BNM governor Tan Sri Nor Shamsiah Yunus said the signing is the result of the close partnership between BNM and SSM over the years.

"BNM is pleased to have SSM working closely with us to secure and maintain the integrity of the financial system. We are confident that SSM will be able to take on greater responsibility to conduct AML/CFT supervision on company secretaries and trust companies in the near future."

SSM CEO Datuk Nor Azimah Abdul Aziz said it is important for company secretaries and trust companies to know and understand their roles and risk exposures related to ML/TF.

"This will form the basis for them to understand and develop countermeasures against these criminal activities."



From left: BNM deputy governor Datuk Marzunisham Omar, Nor Shamsiah, Nor Azimah and SSM deputy CEO Khuzaire Yahaya at the signing ceremony.

BERITA ONLINE BERTARIKH 23 OGOS 2022			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
23-Aug	Cadang penetapan dua harga bagi minyak masak	https://www.sinarharian.com.my/article/217643/berita/nasional/cadang-penetapan-dua-harga-bagi-minyak-masak	SH
23-Aug	KPDNHEP usul kadar baharu minyak masak bantu rakyat	https://www.kosmo.com.my/2022/08/22/kpdnhep-usul-kadar-baharu-minyak-masak-bantu-rakyat/	KOSMO
23-Aug	Harga minyak masak domestik, eksport diperinci September ini – Rosol	https://www.google.com/amp/s/malaysiagazette.com/2022/08/22/harga-minyak-masak-domestik-eksport-diperinci-september-ini-rosol/%3famp	MALAYSIAGAZETTE
23-Aug	KPDNHEP, MPIC bincang laksana penetapan 2 harga minyak masak	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/397530	THEMALAYSIANINSIGHT
23-Aug	KPDNHEP, MPIC bincang tetapkan dua harga minyak masak bagi domestik, eksport	https://www.borneo.network/2022/08/kpdnhep-mpic-bincang-tetapkan-dua-harga.html	BORNEONETWORK
23-Aug	KPDNHEP, MPIC bincang laksana penetapan 2 harga minyak masak	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2113250	BERNAMA
23-Aug	KPDNHEP Peniaga Makanan Perlu Pamer Harga, Elak Keliru	https://youtu.be/BkjZRBa8sZo	BULETINTV3
23-Aug	Konvoi motosikal Perlis, semarakkan sambutan bulan kebangsaan	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/45562-konvoi-motosikal-perlis-semarakkan-sambutan-bulan-kebangsaan	BERITARTM
23-Aug	Penetapan Harga KPDNHEP harap peniaga lebih bertanggungjawab	https://www.astroawani.com/video-malaysia/penetapan-harga-kpdnhep-harap-peniaga-lebih-bertanggungjawab-1983708	ASTROAWANI
23-Aug	Taktik ubah suai tangki, isi diesel bersubsidi untuk seludup	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/217583	SH

23-Aug	Cubaan seludup minyak diesel bersubsidi gagal	https://www.google.com/amp/s/www.siapost.com.my/2022/08/22/cubaan-seludup-minyak-diesel-bersubsidi-gagal/amp/	MALAYSIAPOST
23-Aug	Taktik ubah suai tangki, isi diesel bersubsidi untuk seludup	https://wartarakyat.com.my/index.php/2022/08/22/taktik-ubah-suai-tangki-isi-diesel-bersubsidi-untuk-seludup/	WARTARAKYAT
23-Aug	Empat menteri kabinet termasuk dari Sarawak muncul di TV Rabu ini	https://sarawak-voice.com/2022/08/22/empat-menteri-kabinet-termasuk-dari-sarawak-muncul-di-tv-rabu-ini/	SARAWAKVOICE
23-Aug	4 menteri kabinet wakili pelbagai kaum dalam bual bicara khas Rabu ini	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/397463	THEMALAYSIANINSIGHT
23-Aug	Empat menteri kabinet wakili pelbagai kaum dalam bual bicara khas Rabu ini	https://tvstv.my/2022/08/22/empat-menteri-kabinet-wakili-pelbagai-kaum-dalam-bual-bicara-khas-rabu-ini/	TVSTV
23-Aug	Empat menteri kabinet wakili pelbagai kaum dalam bual bicara khas Rabu ini	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2113160	BERNAMA
23-Aug	Bual bicara khas bersama Merdeka Kuartet di Astro AWANI Rabu ini	https://www.google.com/amp/s/www.astrawani.com/berita-malaysia/bual-bicara-khas-bersama-merdeka-kuartet-di-astro-awani-rabu-ini-377297%3famp=1	ASTRAWANI
23-Aug	Ministries tasked with presenting holistic study of food supply	https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/08/23/ministries-tasked-with-presenting-holistic-study-of-food-supply	THESTAR
23-Aug	MAFI, KPDNHEP DIMINTA BENTANG KAJIAN HOLISTIK BEKALAN MAKANAN NEGARA	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/08/991629/mafi-kpdnhep-diminta-bentang-kajian-holistik-bekalan-makanan-negara	BH

23-Aug	Mustapa: Agriculture and Domestic Trade Ministries asked to present holistic study of national food supply	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2022/08/22/mustapa-agriculture-and-domestic-trade-ministries-asked-to-present-holistic-study-of-national-food-supply/24142	MALAYMAIL
23-Aug	MAFI, KPDNHEP asked to present holistic study of national food supply	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/mafi-kpdnhep-asked-present-holistic-study-national-food-supply-377418%3famp=1	ASTROAWANI
23-Aug	Bahana jual makanan terlalu mahal	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/08/874263/bahana-jual-makanan-terlalu-mahal	HM
23-Aug	KPDNHEP pantau harga minyak masak	https://www.utusan.com.my/nasional/2022/08/kpdnhep-pantau-harga-minyak-masak/	UM
23-Aug	No decision yet on proposal to set two prices for cooking oil: KPDNHEP	https://www.thesundaily.my/home/no-decision-yet-on-proposal-to-set-two-prices-for-cooking-oil-kpdnhep-CX9660316	THESUN
23-Aug	No decision yet on proposal to set two prices for cooking oil — deputy minister	https://www.theedgemarkets.com/article/no-decision-yet-proposal-set-two-prices-cooking-oil-%E2%80%94-deputy-minister	THEEDGE MARKETS
23-Aug	Cubaan menipu gagal [METROTV]	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/08/874357/cubaan-menipu-gagal-metrotv	HM
23-Aug	KPDNHEP Pulau Pinang rampas 171,000 diesel bernilai lebih RM342,000	https://www.kosmo.com.my/2022/08/22/kpdnhep-pulau-pinang-rampas-171000-diesel-bernilai-lebih-rm342000/	KOSMO